

14) RUMAH SELANGORKU

Adun : Y.B. Datuk Seri Jamil Bin Salleh (Dengkil)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Berapa unit rumah Selangorku yang sudah dibina dan diduduki didalam kawasan DUN Dengkil?

Secara keseluruhan sejak Dasar Rumah SelangorKu (RSKU) mula diperkenalkan sehingga 1 April 2025, terdapat **57 projek** dengan **44,215 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di kawasan Dun Dengkil. Pecahan jumlah tersebut sebanyak **16 projek** dengan **7,768 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci serta telah diduduki, sebanyak **10 projek** dengan **5,054 unit** dalam pembinaan dan manakala baki **31 projek** dengan **31,393 unit** lagi sedang dalam peringkat perancangan.

